



📷 PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan ucap terna pada Asian Confederation of Institutes of Internal Auditors (ACIIA) Conference 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, hari ini. - Foto Bernama

BERITA SEMASA MALAYSIA MADANI PMX

Tadbir urus baik aset strategik negara, bukan beban birokrasi – PM



Khadijah Mohamad Nor ✉ • 1 day ago 👁 136 📖 1 minute read

KUALA LUMPUR – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan bahawa urusan tadbir urus yang baik tidak seharusnya menjadi beban birokrasi, sebaliknya aset strategik negara yang menjadi penentu keyakinan rakyat, daya tarikan pelabur dan tonggak integriti institusi.

Beliau berkata demikian sambil menekankan peranan penting juru audit dalam khususnya dalam memelihara integriti institusi serta keyakinan rakyat.

Katanya, keutamaan terhadap integriti dalam pentadbiran negara mahupun sektor swasta adalah kunci untuk membanteras ketirisan, rasuah, keterlanjuran serta penyelewengan.



“Jika kita benar-benar serius menyelesaikan permasalahan besar ini, keperluan audit dalaman tidak perlu dipersoal.

“Justeru, kerajaan memberi ruang supaya jentera pentadbiran dipantau lebih dekat melalui kerjasama Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti serta syarikat swasta,” katanya. [Makanan Malaysia](#)

Related Articles



Laporan rasmi townhall isu buli akan dibahas di Parlimen

🕒 18 minutes ago



Terima wang dari sewaan tanah kerajaan, anggota bomba direman SPRM

🕒 26 minutes ago

Beliau berucap ketika menyampaikan ucap-tama pada Persidangan *Asian Confederation of Institutes of Internal Auditors (ACIIA) 2025* di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, yang menghimpunkan lebih 1,500 peserta daripada 26 negara.



Persidangan ACIIA 2025 yang merupakan penganjuran terbesar di Asia berlangsung ketika Malaysia memegang kerusi Pengerusi ASEAN.

Makanan Malaysia

Anwar berkata, tadbir urus yang berkesan umpama 'sauh' yang menjamin kredibiliti pasaran dan menjadi 'magnet' yang menarik pelaburan manakala juru audit pula memainkan peranan penting dalam menghadapi cabaran ekonomi, teknologi dan geopolitik.



Agilemania

Be an
AI-enabled
Scrum Master

Register Today

PROFESSIONAL SC
PSM
MASTER

The banner features the Agilemania logo at the top left, a white robotic hand holding a glowing blue cube on the right, and a circular logo for 'PROFESSIONAL SCrum MASTER PSM MASTER' in the top right corner. The background is a solid orange color.

Beliau turut menekankan prinsip semak dan imbang dengan mengaitkannya kepada usaha reformasi Kerajaan Perpaduan di bawah pentadbiran MADANI yang berteraskan pemulihan keyakinan rakyat terhadap institusi.

Anwar turut menyorot beberapa inisiatif utama, termasuk pindaan pertama Akta Audit dalam tempoh lebih tiga dekad yang memperluas bidang kuasa Jabatan Audit Negara.

Penubuhan *Serious Irregularities Committee* sejak 2024 juga sudah berjaya memulihkan serta melindungi dana awam berjumlah RM159 juta.



Agilemania

Be an
AI-enabled
Scrum Master

Register Today

PROFESSIONAL SC
PSM
MASTER

This is an identical copy of the banner described above, featuring the Agilemania logo, a robotic hand, and the PSM Master logo on an orange background.

Selain itu, empat garis panduan baharu yang diperkenalkan pada awal 2025 bagi memperluas bidang kuasa audit kepada mana-mana organisasi yang menerima dana awam, langkah penting untuk memperkukuh akauntabiliti fiskal dan membendung rasuah.



“Mungkin reformasi ini tidak glamor, tetapi ia amat penting demi integriti sistem kita,” katanya.

Perdana Menteri turut menegaskan komitmen kerajaan terhadap tadbir urus baik sebagai tonggak Rancangan Malaysia Ke-13 hingga 2030, di samping memuji pelancaran *SORMIC Guide 2025* oleh Institut Juruaudit Dalam Malaysia bersama Bursa Malaysia sebagai langkah meningkatkan budaya pengurusan risiko serta keyakinan pelabur.

Makanan Malaysia

“Tanggungjawab di depan kita amat besar, tetapi peluangnya lebih besar untuk membina institusi yang dipercayai dalam negara, dihormati di luar dan diwariskan kepada generasi akan datang,” katanya menutup ucapan dengan nada optimis.

Persidangan ACIIA 2025 yang merupakan penganjuran terbesar di Asia berlangsung ketika Malaysia memegang kerusi Pengerusi ASEAN.

Tags

aciia conference 2025

anwar ibrahim

perdana menteri

pilihan

tadbir urus baik